

Kaji kriteria geran penyelidikan kanser

KUALA LUMPUR - Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia (ASM) Datuk Dr Samsudin Tugiman menyarankan agar Majlis Kanser Nasional (MAKNA) mengkaji semula kriteria untuk permohonan bagi geran penyelidikan Kanser MAKNA.

Ketika ini permohonan geran itu bermatlamat terbuka dan tidak memfokus kepada bidang kajian keutamaan tertentu, katanya pada Majlis Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA ke-12 di ibu pejabat ASM di sini semalam.

"Penyelidik perlu meninjau bidang penyelidikan yang belum dikaji oleh pihak lain, iaitu asas bagi sains," kata beliau.

Samsudin berkata ASM melihat anugerah itu sebagai signifikan dalam mendorong penyelidik muda menjalankan penyelidikan kanser dan terus berusaha ke arah menemui kemungkinan baru demi memberi harapan dalam usaha memerangi kanser.

Presiden MAKNA Datuk Mohd Farid Ariffin berkata geran penyelidikan MAKNA membuktikan komitmen majlis itu dalam membantu pesakit kanser.

Tiga penyelidik muda menerima Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA bernilai RM30,000 setiap satu menjadikan jumlah geran diberikan oleh MAKNA sejak 2001 hampir RM1.3 juta.

Penerima ialah pensyarah dan Felo Penyelidikan dari Institut Biosains Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Yeap Swee Keong, 31; pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Biomedik, University of Nottingham Kampus Malaysia, Dr Ho Wan Yong, 28; dan pelajar Institut Bioteknologi Molekular Perubatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Shah Alam, Noorfaiza Abdul Aziz, 26.

Noorfaiza berkata penyelidikan beliau ialah mengenai mekanisme tentang bagaimana merawat bentuk kanser payu dara yang agresif dikenali sebagai "triple negative breast cancer cells".-Bernama